NO. SOALAN: 516

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berikutan sensiviti agama seperti dalam kes berus cat bulu babi baru-baru ini dan makanan non-halal dihidangkan di restoran-restoran, apakah langkah jangkapanjang dan jangkapendek yang diambil untuk mengelak kes menjadi lebih serius dan perbalahan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Tindakan penguatkuasaan yang diambil merupakan prosedur pemeriksaan biasa yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) susulan daripada Laporan Bongkar oleh pihak media pada 4 Februari 2017 berkaitan berus cat bulu babi. Tindakan tersebut adalah berasaskan Perintah Perihal Dagangan (Barang-Barang Yang Diperbuat Daripada Mana-Mana Bahagian Babi Dan Anjing) 2013 yang berkuat kuasa pada 1 Februari 2014. Perintah tersebut menerangkan:

i. barang-barang yang diperbuat daripada babi dan anjing perlu dilabelkan dengan ungkapan yang jelas "diperbuat daripada babi" atau "diperbuat daripada anjing" atau seumpamanya;

ii. mempamerkan secara berasingan daripada barang-barang lain;

iii. menggunakan Bahasa Kebangsaan atau dalam Bahasa Kebangsaan yang diikuti dengan terjemahan bahasa lain; dan

iv. penghurufan hendaklah bersaiz tidak kurang daripada sepuluh (10) milimeter.

Berus-berus cat yang diperbuat daripada bulu babi dan dipamerkan untuk jualan tetapi tidak dilabel dan diasingkan akan disita oleh KPDNKK untuk dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia bagi menjalani ujian DNA.

KPDNKK sedang giat menjalankan program advokasi ke seluruh Negara bagi menerangkan kepada para peniaga mengenai Perintah ini. Pada masa yang sama, pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan

turut dijalankan dengan menggunakan pendekatan *smart enforcement* iaitu dengan memberi khidmat nasihat, kesedaran dan panduan kepada peniaga tentang barang atau perkhidmatan yang berkaitan dengan isu halal.

Selain itu juga, KPDNKK dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) akan terus mengadakan program kesedaran dan pendidikan kepenggunaan kepada orang awam mengenai perkara yang melibatkan halal dan hak-hak pengguna. Kementerian berharap semua pengguna termasuk yang beragama Islam dapat membuat pilihan dengan bijak dalam membuat pembelian sesuatu barangan serta mengelak daripada membeli barang-barang yang diragui status halal dan kesahihannya.

Kementerian sentiasa mengingatkan orang ramai supaya melaporkan aduan menerusi saluran yang betul dan sebarang kekeliruan atau pertanyaan hendaklah merujuk terus kepada KPDNKK untuk diambil tindakan sewajarnya.